

PM akan umum mekanisme harga tiket penerbangan

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka mengumumkan mekanisme harga tiket penerbangan domestik dalam masa terdekat.

Ia sekali gus sebagai jalan penyelesaian kepada isu kenaikan harga tiket penerbangan domestik yang melambung susulan sambutan perayaan Aidilfitri ini.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong dalam sidang akhbar selepas melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya & Ops Bersepadu bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022, hari ini.

Ka Siong berkata, pihaknya sudah menghantar laporan terperinci mengenai langkah pe-



DR. WEE KA SIONG

nyelesaian isu berkenaan kepada Perdana Menteri untuk diteliti dan diumumkan.

“Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), tiga syarikat penerbangan tempatan (Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia dan Malindo) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) sudah berbin-cang mengenai isu itu sejak tiga hari lalu.

“Mereka sudah mencapai kata putus terutama berkaitan isu kenaikan harga tiket penerbangan khususnya sepanjang musim perayaan ini,” katanya.

Katanya, langkah penyelesaian yang dicapai itu sudah mengambil kira pandangan semua pihak dan kekangan yang dihadapi syarikat penerbangan.

Ka Siong berkata, pihaknya akan terus memastikan harga tambang penerbangan domestik terus dipantau, malah perubahan sudah dapat dilihat sejak semalam.

Menurutnya, trend kenaikan harga tiket penerbangan ini bukan hanya berlaku di Malaysia sebaliknya ia berlaku di seluruh dunia.

“Kita tidak boleh arahkan pesawat untuk terus terbang kerana pesawat itu sudah diparkir sejak dua tahun lalu dan ia perlu menjalani proses penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO).

“Kita juga melihat kepentingan antara hubungan antara Sabah Sarawak dan Semenanjung Malaysia, justeru kita kena lakukan sesuatu,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan harga tambang penerbangan domestik melonjak sehingga RM2,000 bagi penerbangan pergi dan balik.

Ia meningkat sekitar 566 peratus menjelang tempoh perayaan Hari Raya Aidilfitri iaitu pada 29 April hingga 8 Mei ini.